

RANCANGAN MALAYSIA KE-13



Pembangunan lima tahun berasaskan nilai dan keadilan

- Elemen keseimbangan dalam segala aspek pembangunan sangat jelas diterjemahkan dalam RMK13 ini dengan peruntukan sebanyak RM611 bilion

- Di atas kertas, jelas RMK13 mempunyai strategi utuh untuk mengeluarkan ekonomi Malaysia daripada kitaran ekonomi berbahaya, iaitu kos tinggi, gaji rendah, untung rendah serta daya saing kurang



Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Bertemakan 'Melakar Semula Pembangunan', Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dilihat membawa dinamika berbeza dalam konteks naratif pembangunan negara.

Ja satu 'ikhtiar' untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi dengan dipacu prinsip MADANI dan kerangka Ekonomi MADANI.

Perubahan dalam landskap ekonomi global menyebabkan kita perlu melihat kembali konsep pembangunan itu sendiri, terutama terhadap masyarakat pada abad ke-21 ini.

Hakikatnya, pengukuran pembangunan hanya dilihat dalam konteks Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata, tidak menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan hidup rakyat, apatah lagi dalam konteks pengagihan serta aspek kemampuannya.

Pembangunan dilakar perlu memastikan bumi dipinjam daripada generasi akan datang dapat dipelihara sebaiknya.

Selain itu, aspek keadilan serta pemberdayaan kemanusiaan, di samping reformasi struktur ekonomi dan memperkukuh tatakelola baik juga perlu diberi keutamaan. Inilah, secara asasnya, gambaran menyeluruh dokumen RMK13 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam fasa RMK13 ini bermula 2026 sehingga 2030, ekonomi Malaysia dijangka mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, manakala boleh dijangkakan lebih 85 peratus daripada tujuh sasaran ditetapkan dalam kerangka Ekonomi MADANI dapat dicapai.

Namun begitu, impak serta keberkesanan RMK13 ini akhirnya bergantung kepada dua perkara utama, iaitu apabila ekonomi Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi mengikut definisi Bank Dunia dan rakyat dapat merasakan dan menikmati ekonomi lebih baik pada 2030.

Perdana Menteri ketika membentangkan RMK13, memetik buah fikiran seorang ahli ekonomi terhebat dunia, Amartya Sen dalam bukunya yang bertajuk *Development as Freedom*.

Dalam buku itu, Sen menekankan pentingnya aspek keupayaan dan kebebasan dalam memahami konsep pembangunan dan bukan hanya melihat ke-

pada perkara materialistik semata-mata.

Sen menyatakan *Economic Growth cannot be sensibly treated as an end in itself. Development has to be more concerned with enhancing the lives we lead and the freedoms we enjoy.*

Dalam model MADANI pula, aspek kerohanian dan nilai insaniah ditekankan dalam mendasari pemahaman istilah pembangunan itu sendiri yang akhirnya akan menjadikan Malaysia bukan sahaja negara maju dan berpendapatan tinggi, tetapi bermartuah dan disegani.

Maka, elemen keseimbangan dalam segala aspek pembangunan sangat jelas diterjemahkan dalam RMK13 ini dengan peruntukan RM611 bilion.

Di atas kertas, jelas RMK13 mempunyai strategi utuh untuk mengeluarkan ekonomi Malaysia daripada kitaran ekonomi berbahaya, iaitu kos tinggi, gaji rendah, untung rendah serta daya saing kurang.

Namun begitu, ia juga bergantung kepada perincian segala dasar dan program diumumkan serta bagaimana ia akan dilaksanakan dan dipantau.

Misalnya, dalam usaha RMK13 untuk menuju negara berasaskan kecerdasan buatan (AI), apakah peruntukan RM67 bilion kepada sektor pendidikan dapat menyediakan bakat dalam pasaran buruh bagi mendepani cabaran revolusi teknologi dijangka menghapuskan banyak jenis pekerjaan pada hari ini.

Adakah sistem pendidikan kita dan Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat memastikan peranan AI sebagai pelengkap kepada pekerja pada masa hadapan dan bukannya menggantikan manusia dari segi pekerjaan masa hadapan?

Begitu juga dengan usaha Malaysia mendepani cabaran perubahan iklim dan Ekonomi Hijau, kebanyakannya terkandung dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR).

Dalam RMK13, ada disebut berkaitan tenaga nuklear. Ini sangat dialu-alukan kerana dalam usaha untuk kita cuba menjadi hab dalam Pusat Data, penggunaan tenaga sangat tinggi dan perlu dipastikan ia dapat dijana secara efektif serta mempunyai kesan secara minimum kepada alam sekitar.

Begitu juga dengan aktiviti pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) serta usaha melonjakkan subsektor agrikomoditi, seperti pensijilan dan usaha meningkatkan lagi keupayaan industri ini dalam aspek kemampanan.

Tidak dapat dinafikan, satu daripada kekuatan ekonomi kita adalah kewangan Islam. Pemerkasaan ekonomi Islam dilihat dapat memperkukuhkan ketiga-tiga elemen utama dalam RMK13 ini, iaitu me-

mantapkan tatakelola baik, 'menaikkan siling' dan 'menaikkan lantai'.

Bukan sahaja aspek tadbir urus seperti *Value-Based Intermediation* (VBI), tetapi juga dalam usaha untuk pemerkasaan ekonomi digital dan menjana pertumbuhan ekonomi berasaskan nilai.

Aspek pengintegrasian ekonomi serantau

Ia termasuk peluang pekerjaan dan perniagaan yang dapat dicipta dalam sektor ekonomi Islam seperti industri halal dan dalam perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Dalam hal ini, aspek pengintegrasian ekonomi serantau yang dinyatakan dalam dokumen RMK13 adalah sangat tepat.

Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia sudah pun mengorak langkah ke arah agenda ini, seperti pembabitian dengan pakatan Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan (BRICS) serta melaksanakan persidangan bersejarah antara blok ASEAN, Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan China pada Sidang Kemuncak ASEAN baru-baru ini.

Penumpuan kepada pembangunan inklusif juga sangat menarik dalam dokumen RMK13 ini, dengan menjamin kehidupan wajar dan terangkum serta memperkasakan golongan sasaran.

Golongan Bumiputera, melalui Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), memperluas peluang perniagaan dan bantuan pembiayaan kepada rakyat Sabah dan Sarawak.

Semakan semula Akta Orang Asli 1954 serta pembinaan sekolah berasaskan komuniti adalah antara ditekankan dalam RMK13.

Begitu juga golongan sasar daripada pelbagai kaum seperti kaum Cina, India dan juga pemerkasaan wanita untuk meningkatkan 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam pasaran kerja.

Golongan orang kurang upaya (OKU) juga diperkasakan dalam konteks meningkatkan pembabitian mereka dalam pasaran buruh serta pemerkasaan dalam sektor ketiga melalui latihan dan khidmat nasihat, serta sumber pembiayaan alternatif.

Akhirnya, apa yang perlu diperhalusi adalah mekanisme pemantauan RMK13 itu sendiri, akan ditambah baik melalui apa yang dipanggil sebagai Sistem Pemantauan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD).

Mekanisme inilah dilihat sebagai faktor penting dalam menentukan sama ada segala perancangan diletakkan pada hari ini dapat direalisasikan menjelang 2030 kelak.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH